

# Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 dilancar

UM- 24/12/2020  
m/d: 3

Oleh MAISARAH  
SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia menggariskan tiga pendekatan menerusi enam teras strategik bagi menjamin kelangsungan industri pelancongan dan kembali menjadi destinasi pelancongan pilihan peringkat global. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pendekatan di bawah Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 itu ialah penguatkuasaan daya saing, pembangunan secara lestari dan inklusif serta kesediaan mengharungi bencana pada masa akan datang.

Beliau berkata, enam teras strategik utama pula ialah transformasi tadbir urus, mewujudkan zon pelaburan pelancongan yang inklusif dan mempergiatkan digitalisasi pelancongan.

Selain itu, kata beliau, memperkaya pengalaman dan kepuasan pelancong, memperkukuh komitmen terhadap pelancongan lestari dan meningkatkan kapasiti modal in-



san dalam semua subsektor pelancongan.

“Pembangunan industri pelancongan yang berasaskan teknologi digital adalah penting bagi memastikan objektif dasar ini dapat dicapai.

“Tambahan pula, kemajuan teknologi dapat mengukuhkan jaringan antara industri serta membuka jalan bagi subsektor

inovatif baharu dalam industri pelancongan yang akan mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan,” katanya ketika melancarkan DPN 2020-2030, secara maya di sini semalam.

Muhyiddin berkata, melalui DPN, Malaysia akan mewujudkan zon pelaburan khas untuk projek pelancongan (Special Tourism Investment Zones)

bagi meningkatkan kerjasama awam dan swasta serta menarik lebih ramai pelabur tempatan dan antarabangsa.

Di samping itu, jelas beliau, sebagai kerajaan bertanggungjawab, adalah penting mengimbangi pembangunan serta pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah negara termasuk alam sekitar, budaya dan warisan.

Katanya, matlamat negara adalah menjenamakan Malaysia sebagai *Top of The Mind Ecotourism Destination of the World*.

“Saya juga yakin kelestarian sumber boleh memacu pertumbuhan ekonomi baharu di samping mewujudkan peluang pekerjaan.

“Selain menjadi tanggungjawab bersama memastikan pembangunan produk pelancongan sentiasa mampan, berdaya saing dan inklusif, usaha ini juga selaras dengan komitmen Malaysia terhadap Agenda 2030 dan 17 Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu,” kata Perdana Menteri.